




**PENERANGAN:** Dr. Sahipudin (tengah) memberi penerangan berkaitan pemakaian Alat Perlindungan Diri (PPE).



**KENANGAN:** Dr. Sahipudin (kanan) dan Dr. Fatimah (kiri) merakamkan gambar bersama staf Hospital UMS.

# Disinfeksi sendiri kediaman, pejabat penting

UB 27.11.2020 P.3

Proses yang mudah dilakukan sendiri untuk mengurangkan risiko jangkitan virus COVID-19

**KOTA KINABALU:** Proses disinfeksi sendiri kediaman dan pejabat amat penting dalam mengurangkan risiko jangkitan virus COVID-19.

Pakar perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya Dr. Sahipudin Saupin dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) berkata, proses disinfeksi iaitu

proses nyahkuman di permukaan kawasan-kawasan tertentu seperti rumah dan pejabat adalah mudah dan boleh dilakukan sendiri.

"Apa yang penting adalah alatan atau bahan kimia yang sesuai, pemakaian Alat Perlindungan Diri (PPE) serta pelaksanaan proses dengan kaedah yang betul.

"Bagi bahan kimia, pal-

ing mudah campuran satu bahagian peluntur domestik dan sembilan bahagian air, tidak kira apa jenama peluntur yang penting mempunyai kandungan Sodium Hypochlorite," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi perkongsian dalam Siri Pendidikan dan Kesihatan COVID-19 UMS, di sini baru-baru ini.

Dr. Sahipudin turut menyarankan agar permukaan-permukaan seperti lantai, meja, komputer dan sebagainya dibersihkan menggunakan air dan sabun terlebih dahulu sebelum melakukan proses disinfeksi.

"Proses ini mengambil masa antara 30 minit hingga 2 jam sebelum boleh memas-

uki semula rumah atau ruang pejabat yang telah disinfeksi," tambah beliau.

Ujar Dr. Sahipudin, walaupun tidak ditetapkan berapa kali proses disinfeksi perlu dilakukan, adalah lebih baik agar proses tersebut dilaksanakan sekerap yang mungkin bagi mengurangkan risiko dijangkiti virus COVID-19 melalui permu-

kaan.

Siri Pendidikan dan Kesihatan COVID-19 yang dikendalikan oleh Ketua Jabatan Pendidikan Perubatan FPSK, Dr. Fatimah Ahmedy disiarkan secara langsung melalui platform secara maya di laman Facebook rasmi UMS Official dan saluran YouTube UMS Net.